

13 MAY 2003

Kontraktor-Pakej

KONTRAKTOR MELAYU HARAP PEMBINAAN SEKOLAH DIMASUKKAN DALAM PAKEJ

IPOH, 13 Mei (Bernama) -- Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) hari ini meminta kerajaan memasukkan projek pembinaan 26 sekolah yang melibatkan kos antara RM300 hingga RM400 juta ke dalam pakej rangsangan ekonomi.

Setiausaha Agungnya, Datuk Jamaludin Abdul Rahim berkata langkah itu akan dapat membantu kontraktor-kontraktor Bumiputera yang kini tertekan kerana sukar mendapatkan projek.

Katanya, projek-projek seperti itu penting kepada hampir 37,000 kontraktor Bumiputera di negara ini kerana kebanyakan mereka bergantung kepada projek kerajaan memandangkan tidak banyak projek swasta yang dijalankan sekarang.

"Yang adapun projek-projek perumahan dan itupun dijalankan sendiri oleh pemaju. Perbelanjaan bagi kontraktor kelas A biasanya antara RM30 ribu hingga RM40 ribu sebulan dan tanpa projek seperti ini, kita akan hadapi masalah," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata pihaknya telah menerima "Letter of Intent" daripada kerajaan November tahun lepas tetapi sama ada projek itu diteruskan atau tidak bergantung kepada pakej itu.

Katanya, kontraktor bumiputera sememangnya telah mencuba mendapatkan projek swasta tetapi tidak dapat bersaing dengan kontraktor lain yang mampu menawarkan harga lebih kompetitif dan kadang-kala hampir 20 peratus lebih rendah.

Jamaludin berkata, PKMM berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi keutamaan kepada projek seperti pembinaan sekolah itu bagi merangsang ekonomi dan membantu ahli PKMM.

Katanya, ahli-ahli PKMM melalui konsortium yang ditubuhkan di negeri-negeri telah membuktikan mereka mampu membina 54 sekolah dengan kos RM500 juta dalam fasa pertama.

Katanya, PKMM juga berterimakasih dan menghargai peranan kerajaan, terutamanya Kementerian Pendidikan yang telah mengambil langkah mengatasi masalah tunggakan hampir RM100 juta untuk pembinaan 1,000 buah makmal komputer dan 54 sekolah di seluruh negara.

Jamaludin berkata, setakat ini hampir RM60 juta telah dibayar kepada kontraktor-kontraktor terbabit dan proses pembayaran baki tunggakan sedang dibuat melalui para juru perunding projek terbabit.

Beliau berkata, kebanyakan masalah ini timbul kerana juruperunding yang dilantik kerajaan dan kontraktor gagal menjalankan tugas dengan baik dan menyebabkan urusan pembayaran terjejas.

Jamaludin berkata, PKMM akan memastikan juruperunding yang lemah tidak dilantik semula untuk projek-projek akan datang dan berharap kerajaan juga berbuat begitu.

"Nampaknya kerajaan sudah mengambil langkah itu kerana juruperunding yang lemah tidak dipilih semula dalam cadangan pembinaan 26 sekolah yang kita sedang rundingkan sekarang," katanya.

-- BERNAMA

AR MOZ